

| | | | |
|-------------|---|------------|----------------|
| Headline | Selesai isu elektrik, komunikasi terputus | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 04 Jan 2024 | Language | Malay |
| Circulation | 107,609 | Readership | 322,827 |
| Section | Dlm Negeri | Page No | 29 |
| ArticleSize | 434 cm ² | Journalist | NIK NURIZZATUL |
| PR Value | RM 53,241 | | |



Selesai isu elektrik, komunikasi terputus

Oleh **NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN**
utusannews@mediamulia.com.my

DUNGUN: Kira-kira 3,000 penduduk di lima kampung di Hulu Dungun dekat sini, meminta pihak berwajib menyelesaikan isu talian elektrik dan komunikasi yang terputus setiap kali banjir melanda kawasan tersebut.

Penduduk mendakwa, masalah yang berlaku di lima kampung itu iaitu Kampung Minda, Kampung Talong, Kampung Rantau Panjang, Kampung Tepus dan Kampung Kuala Jengai bukan perkara baharu, malah telah berlaku lebih 10 tahun lalu.

Salah seorang penduduk, Che Ku Fahimi Che Ku Mat Salleh, 50, berkata, bekalan elektrik terpaksa diputuskan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila beberapa pencawang di kawasan terlibat ditenggelami air dan sekaligus menyebabkan talian komunikasi penduduk kampung terlibat terjejas.

"Kami seolah-olah hidup seperti orang zaman dahulu yang tiada elektrik dan terputus hu-

bungan dengan dunia luar. Sudahlah jalan dan kawasan kampung dinaiki air, elektrik dan komunikasi juga terputus.

"Keadaan ini menyebabkan kami susah nak buat apa-apa terutamanya pada waktu malam. Kami terpaksa bergantung kepada lilin dan lampu suluh kadangkala sehingga empat hari, bergantung kepada banjir surut," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Che Ku Fahimi berkata, keadaan itu turut menyukarkan terutamanya kepada penduduk yang memiliki anak-anak kecil.

"Walaupun banyak tahun sudah kami lalui, tetap rasa susah dan perit. Kami terpaksa berpanas dan bergelap sebab tak ada bekalan elektrik," katanya.

Penduduk Kampung Kuala Jengai, Mohd Aeri Adnan, 37, pula berkata penduduk kampung tersebut kadangkala terpaksa mengambil risiko dengan menaiki bot meredah arus Sungai Dungun untuk berhubung dengan pihak luar.

"Ada antara penduduk perlu naik bot lebih sejam ke Kampung

Besol mencari talian telefon atau internet untuk urusan kerja.

"Naik bot redah Sungai Dungun memang bahaya sebab arus sangat laju dan banyak juga kayu balak hanyut. Namun, kami tiada pilihan lain. Kalau tak keluar, memang kami duduk rumah atau pusat pemindahan sementara sahaja sehingga banjir pulih, baru dapat berkomunikasi dengan dunia luar," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Besi, Ghazali Sulaiman berkata, lebih 700 kediaman di lima kampung terlibat terjejas bekalan elektrik dan komunikasi.

"Kita akan berbincang dengan pihak TNB dan pihak berkaitan supaya masalah ini dapat diselesaikan.

"Biasanya, kita akan menghantar generator di setiap pusat pemindahan sementara di kampung terlibat, namun untuk penduduk yang tidak tinggal di PPS, memang terpaksa bergelap, kita memang faham kesulitan yang dihadapi penduduk," katanya.



SALAH sebuah pencawang elektrik yang sering ditenggelami air di Kampung Pasir Raja, Hulu Terengganu. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN